

# Sukan bermotor boleh maju: PM

Oleh Wan Hazmir Bakar

BH 10

SEPANG Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin minat yang dirangsangkan daripada Grand Prix (GP) Petronas Malaysia akan menggalakkan pertumbuhan sukan bermotor di negara ini.

Ini kata Perdana Menteri bukan hanya memberi manfaat kepada peminat sukan malah industri automatif domestik.

Dalam dua tahun Grand Prix Petronas Malaysia telah meningkatkan penglibatan Malaysia dalam sukan bermotor dan menempakan nama Malaysia dalam kalendar sukan bermotor antarabangsa kata Dr Mahathir dalam perutusannya pada buku cendermata GP Petronas Malaysia.

Menurut Perdana Menteri melalui publisiti besar besaran sepanjang acara itu sepanjang 17 pusingan yang diadakan di Sepang Malaysia akan terus ditonjolkan secara positif menjadikan Grand Prix Petronas Malaysia semakin penting.

Saya mahu mengucapkan tahniah kepada Sepang International Circuit (SIC) dan syarikat induknya Malaysia Airport Holdings Berhad kerana usahanya yang cemerlang

## Kejayaan negara menempa nama Malaysia dalam kalendar sukan bermotor antarabangsa bukan hanya memberi manfaat kepada peminat sukan, malah industri automatif domestik

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada FIA (Federation Internationale de l'Automobile) FOM (Formula One Management) dan pegawai mereka.

Kepada penaja terutama Petronas saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas saya terhadap sokongannya yang berterusan kata Dr Mahathir yang turut merasmikan perlumbaan itu di Litar Sepang F1 di sini hari ini.

Pada majlis berwarna warni itu Perdana Menteri memukul gong sebagai tanda perasmian perlumbaan F1 pusingan kedua musim 2001 selepas GP Australia tiga minggu lalu. Ini adalah kali ketiga Malaysia menganjurkan perlumbaan berprestij itu sejak 1999.

Dr Mahathir kemudian melawat kawasan pit dan beramah mesra dengan pelumba serta pegawai setiap pasukan serta melihat

lebih dekat kenderaan dan persediaan pasukan berkenaan.

Terdahulu Dr Mahathir dibawa mengelilingi litar oleh Pengerusi SIC Tan Sri Basri Ismail dalam kereta antik Mercedes Benz.

Semua 22 pelumba F1 daripada 11 pasukan yang mengambil bahagian turut dibawa dengan kereta berhias yang bermotifkan kenderaan F1 serta corak songket mengelilingi litar.

Selepas perarakan itu kereta berhias berkenaan ditukar menjadi pentas perasmian.

Sebaik saja gong dipalu dan memulakan kesan bunyi yang boleh didengar di seluruh kawasan litar 200 penari tempatan memersempakan hiburan sepanjang permulaan kepada persembahan hiburan selama sejam.

Selepas itu pasukan Petronas Motorsports memulakan laluan lintas

dengan kenderaan masing-masing seperti Proton Wira dan Satria diikuti persembahan pasukan pancaragam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang pertama kali mengambil bahagian dalam acara kawad lintas pada majlis perasmian itu.

Ini disusuli dengan kawad lintas 200 pelatih Insitut Kemahiran Belia Dunia yang membawa Jalur Gemilang.

Sebagai mengekalkan tema belia kawad lintas diteruskan dengan persembahan tiga pancaragam sekolah yang memenangi anugerah iaitu Sekolah Alam Shah St John's Institution dan Sekolah Menengah Kepong.

Kawad lintas diakhiri dengan persembahan Angkatan Tentera Malaysia yang mempamerkan kehebatan menerusi aksi menarik Pasukan Kawad Tentera Laut sebelum diikuti pasukan pancaragam ATM.

Litar F1 Sepang kemudian digegarkan dengan deruman enjin jet lima pesawat pejuang FA 18D Tentera Udara Diraja Malaysia yang melakukan terbang lintas serta aksi aerobatik pada paras rendah yang mendebarkan.